

JABATAN KORPORAT  
TARIKH: 21.02.2025 MASA: 4.00PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PROJEK NAIK TARAF  
*BUTTERWORTH ART WALK***

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**23 FEBRUARI 2025 (AHAD)  
9.30 PAGI**

**BUTTERWORTH ART WALK  
SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera serta Salam MADANI,

1. Bersama-sama marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh bersejarah ini dalam **Majlis Perasmian Projek Naik Taraf *Butterworth Art Walk*.**
2. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan atas kesudian Yang Berhormat meluangkan masa bagi merasmikan *Butterworth Art Walk* ini.
3. Tidak lupa juga, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis ini.
4. Projek Naik Taraf *Butterworth Art Walk* ini merupakan manifestasi kesungguhan dalam mengangkat nilai seni, budaya dan warisan sebagai elemen penting dalam pembangunan bandar yang lestari. Dengan sokongan daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui peruntukan Kerja-Kerja Pemulihan, Pemuliharaan, Ubah Suai & Naik Taraf (PPUN) bagi tahun 2024,

projek ini telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM210,000.00. Projek ini telah dimulakan pada 1 November 2024 dan siap sepenuhnya pada 2 Januari 2025.

5. *Butterworth Art Walk* bukan sekadar ruang seni yang menampilkan mural dan *art installation*, malah ia merupakan satu bentuk asimilasi *tangible* dan *intangible tourism product* yang memperkayakan pengalaman pengunjung, malah ia merupakan manifestasi kepada sejarah dan warisan Bandar Butterworth serta Seberang Perai. Ia juga berperanan sebagai medium pendidikan yang membolehkan masyarakat memahami dan menghayati nilai budaya serta identiti bandar ini melalui seni visual yang dipaparkan, sekali gus mengukuhkan kedudukan *Butterworth Art Walk* sebagai destinasi pelancongan yang unik.
6. Projek naik taraf ini merangkumi beberapa komponen utama seperti kerja-kerja landskap kejur dan landskap lembut, termasuk pembinaan laluan pejalan kaki, struktur *bollard*, penghadang motosikal yang patuh *Universal Design*, bangku taman serta pemasangan plak penghargaan MOTAC. Inisiatif ini tidak hanya memperindah persekitaran tetapi juga meningkatkan kebolehcapaian serta keselamatan pengunjung.
7. Perlu diingat bahawa *Butterworth Art Walk* adalah lebih daripada sekadar destinasi pelancongan; ia adalah satu bentuk pembangunan semula bandar yang bertujuan menghidupkan kembali lorong-lorong

bangunan yang sebelum ini terbiar. Ini selaras dengan matlamat untuk menjadikan Butterworth sebuah bandar yang lebih mesra komuniti, hijau dan berdaya huni (*liveable city*).

8. Malah, projek ini juga selari dengan Intervensi Pelan Tindakan Pekan Lama di bawah Program Butterworth Baharu serta menepati matlamat *Sustainable Development Goals (SDG)*, khususnya dalam usaha mengubah stigma negatif masyarakat terhadap laluan lorong belakang dan menjadikannya sebagai ruang yang bernilai bagi komuniti.
9. Sejak dinaik taraf sebagai *art walk* pada Julai 2017, kawasan ini telah menerima kehadiran kira-kira 25,000 pelancong setiap tahun, satu pencapaian yang amat membanggakan. Kehadiran pelancong juga disokong oleh penganjuran *Butterworth Fringe Festival* yang menjadi tarikan utama di kawasan ini setiap tahun.
10. Lebih menggembirakan, permohonan MBSP untuk mendapatkan peruntukan sebanyak RM250,000.00 bagi kerja-kerja membaik pulih mural dan lampu hiasan bagi kreativiti seni lorong belakang dan lorong sisi *Butterworth Art Walk* bagi tahun 2025 telah pun diluluskan oleh MOTAC. Ini membuktikan komitmen berterusan pihak kerajaan dalam memastikan inisiatif ini terus berkembang dan memberi manfaat kepada masyarakat serta industri pelancongan tempatan.
11. Besarlah harapan saya agar *Butterworth Art Walk* terus berkembang sebagai ikon pelancongan warisan yang mampu menarik lebih ramai

pengunjung serta menjadi kebanggaan kita bersama dalam merealisasikan aspirasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah slogan *Penang 2030 – A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation.*

12. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada MOTAC atas sokongan dan peruntukan yang diberikan dalam menjayakan projek ini. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam memastikan kelancaran dan kejayaan pelaksanaan projek ini.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***